Pendakwa Raya lwn Norazman Bashah bin Ahmad Azam Bashah

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–158–06 TAHUN 2015
TENGKU MAIMUN, ZAKARIA SAM DAN KAMARDIN HASHIM HHMR
28 MAC 2016

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Responden dituduh membunuh — Perayu merayu terhadap keputusan — Sama ada saksi pendakwaan kredibel dan berjaya membuktikan responden individu yang membunuh si mati — Sama ada keterangan mengikut keadaan menyokong keterangan saksi-saksi pendakwaan — Sama ada terdapat faktor kemurungan pada si mati — Sama ada kelakuan responden menunjukkan 'guilty mind' — Sama ada hakim bicara khilaf dalam membebaskan responden

Ini adalah rayuan terhadap perintah hakim bicara membebaskan responden daripada tuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Pada hari kejadian, SP13 telah menerima panggilan kecemasan daripada responden memaklumkan bahawa isterinya tidak sedarkan diri. SP13 mengarahkan responden menjalankan CPR namun responden menyatakan bahawa beliau telah melakukannya. Sejurus kemudian, SP8, paramedik memaklumkan kepada SP13 bahawa mangsa telahpun meninggal dunia. SP5, pegawai polis yang bertugas di tempat kejadian telah dimaklumkan oleh responden bahawa isterinya telah menggantung diri pada kipas siling dalam bilik dengan menggunakan kain cadar. SP5 telah menjalankan siasatan awal di tempat kejadian dan mendapati terdapat kesan pecah pada pintu bilik dan bilik berada dalam keadaan berselerak, terdapat meja solek dalam keadaan terjatuh di tepi katil tetapi cerminnya tidak pecah dan dua helai cadar yang telah dipotong. Responden menyatakan kepada SP5 bahawa beliau telah menurunkan mayat isterinya dengan memotong cadar dengan pisau pemotong daging dan seterusnya menyerahkan pisau tersebut kepada SP5. SP5 menyatakan, hasil bedah siasat oleh SP6 mendapati terdapat unsur jenayah dalam kematian si mati. Pegawai forensik, SP7 merumuskan bahawa kejadian menggantung diri pada kipas tidak berlaku. SP5 seterusnya menyerahkan kes kepada SP24. Berdasarkan dapatan SP6 dan SP7, pihak polis mengesyaki responden telah membunuh si mati dan seterusnya telah menangkap responden. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara berpuashati bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap responden. Oleh itu, responden diperintahkan supaya membela diri. Dalam pembelaannya, responden menyatakan bahawa pernah berlaku pergaduhan antaranya dan si mati kerana si mati mendapat tahu yang responden

A mempunyai hubungan sulit dengan rakan sekerjanya. Sejak daripada itu si mati berubah sikap, kurang bercakap dan suka menyendiri. Pada hari kejadian yang merupakan bulan Ramadhan, responden melihat terdapat catitan oleh si mati melalui 'BBM messenger' mengadu bahawa responden tidak mengambil berat tentangnya ketika beliau sakit. Selepas waktu maghrib hari yang sama, B responden terdengar bunyi pintu bilik di kunci dari dalam dan bunyi benda jatuh. Responden telah memanggil si mati namun tiada jawapan. Responden membuat keputusan untuk berbuka puasa dahulu dan kemudian bertindak memecahkan pintu bilik tersebut. Setelah memasuki bilik, responden mendapati si mati dalam keadaan tergantung pada kipas siling dengan kaki C tidak jejak ke lantai. Responden kemudian menurunkan mayat si mati dengan memotong kain yang melilit leher si mati. Responden menafikan bahawa dia membunuh si mati dengan cara menjerut leher dan menyatakan bahawa dia tidak mempunyai motif untuk membunuh si mati. Percakapan beramaran dan laporan polis yang dibuat oleh responden adalah selari dengan keterangannya D di mahkamah. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati perayu gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dan seterusnya membebaskan responden daripada pertuduhan membunuh. Perayu membuat rayuan dan berhujah bahawa saksi-saksi pihak pendakwaan adalah kredibel dan telah berjaya membuktikan bahawa responden merupakan orang yang E telah menyebabkan kematian si mati. Perayu menegaskan bahawa keterangan mengikut keadaan telah menyokong keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan yang menyatakan kematian si mati bukan kerana membunuh diri. Seterusnya, perayu juga mempertikaikan dapatan hakim bicara bahawa terdapat faktor kemurungan yang telah menjadi punca si mati menggantung F diri. Isu terakhir yang dibangkitkan oleh perayu adalah berkaitan dengan kelakuan responden yang didakwa sebagai tidak munasabah dalam keadaan yang biasa dan dihujahkan ini dapat menunjukkan 'guilty mind' responden.

Diputuskan, menolak rayuan dan membebaskan responden:

G

(1) Hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan keterangan saksi SP6 tidak secara konklusif menyatakan bahawa si mati telah dijerut di leher dari arah belakang. Sebaliknya SP6 tidak menolak kemungkinan si mati telah menggantung diri berdasarkan faktor ketinggian si mati, ketinggian H kipas siling tersebut dan jarak si mati terampai dari lantai. SP6 menyatakan tiada kecederaan berbentuk kecederaan akibat 'struggling' ataupun 'self-defence' (lihat perenggan 29 & 32).

(2) Saksi SP7 juga tidak menolak ada kemungkinan si mati telah menggantung diri. SP7 bersetuju bahawa sekiranya kerusi kecil yang I patah itu diletakkan di atas lantai ianya membolehkan si mati mencapai kipas siling dan seterusnya menggantung diri menggunakan kain cadar yang telah disimpulkan terlebih dahulu. Mengenai ketiadaan kesan tapak kaki si mati di atas meja solek yang disyaki telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri, SP7 bersetuju kemungkinan almari solek itu

tidak dipijak oleh si mati untuk menggantung diri. Sebaliknya kemungkinan kerusi kecil yang patah itu telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri (lihat perenggan 33–34 & 36).

(3) Mengenai kelewatan responden memecahkan pintu bilik, mahkamah mendapati perkara ini boleh dijelaskan melalui keterangan responden sendiri. Responden telah cuba memecahkan pintu bilik yang berkunci dari dalam setelah mendengar bunyi benda jatuh tetapi tidak berjaya kerana kurang bertenaga akibat berpuasa. Responden berbuka puasa terlebih dahulu sebelum kembali memecahkan pintu bilik tersebut. Responden menyatakan dia tidak menyangkakan si mati telah menggantung dirinya. Mahkamah mendapati, penjelasan responden adalah munasabah dan boleh diterima (lihat perenggan 38).

(4) Mengenai kelewatan responden membuat panggilan kecemasan, responden menyatakan dia mengambil masa untuk cuba menyelamatkan si mati terlebih dahulu dengan menurunkan si mati dan melakukan bantuan CPR. Mahkamah mendapati hujahan perayu bahawa kelakuan responden menunjukkan 'guilty mind' responden, tidak dapat dipersetujui dalam keadaan yang berlaku di dalam kes ini (lihat perenggan 39).

(5) Berkaitan isu kemurungan, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa berdasarkan keterangan rakan-rakan dan ibu bapa si mati bahawa terdapat perubahan pada si mati, si mati tidak ceria dan berada dalam keadaan sugul ketika pulang ke kampung untuk menenangkan fikiran. Ini menunjukkan terdapat ciri-ciri kemurungan dipihak si mati sebelum kejadian (lihat perenggan 40).

(6) Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan pertuduhan terhadap responden diluar keraguan yang munasabah dan mendapati tidak ada sebarang kekhilafan oleh hakim bicara yang bijaksana dalam membebaskan responden (lihat perenggan 41–42).

[Bahasa Malaysia summary

This was an appeal against the trial judge's order of acquitting the respondent from the charge of murder under s 302 of the Penal Code ('the Code'). On the said day, SP13 received an emergency call from the respondent, notifying him that his wife was unconscious. SP13 instructed the respondent to carry out CPR but the respondent said that he had done so. Immediately after that, SP8, a paramedic, informed SP13 that the victim had passed away. SP5, the police office in charge at the crime scene was informed by the respondent that his wife hung herself from the ceiling on using the bed sheet. SP5 had conducted an early investigation and discovered that there were signs of a break in at the room's door and the room was scattered, the dressing table fell to the side but the mirror was not broken and two bed sheets had been cut. The respondent

told SP5 that he brought down the body of his wife by cutting the bed sheet using a meat-cutting knife and handed the same to SP5. SP5 testified that a post mortem of SP6 showed that there was an element of crime in her death. The forensic officer, SP7 concluded that the hanging on the fan incident did not happen. SP5 then handed the case to SP24. Based on SP6 and SP7's findings, the police suspected that the respondent had murdered the deceased and then caught the respondent. At the conclusion of the trial, the trial judge was satisfied that the prosecution had established a prima facie case against the respondent. Subsequently, the respondent was ordered to enter his defence. In his defence, the respondent submitted that there was an argument between the deceased and him because the deceased found out that the respondent was having an affair with his colleague. Since that, the deceased changed, talked less and preferred to be alone. On the day of the incident which was in the month of Ramadhan the respondent saw a note by the deceased through her BBM messenger complaining that the respondent did not care about her when she was sick. After *Maghrib* on the same day, the respondent heard the door being locked from inside and the sound of something falling. The respondent called the deceased but there was no answer. The respondent decided to break fast first and later broke open the door. Upon entering the room, the respondent found the appellant hanging on the ceiling floor without her feet on the floor. The respondent brought the deceased's body down by cutting the cloth around the deceased's neck. The respondent denied murdering the deceased by strangling her neck and stated that he did not have any motive to murder the deceased. The cautioned statement and police report made by the respondnet was consistent with his testimony in court. At the end of the defence case, the trial judge held that the appellant failed to establish its case beyond reasonable doubt and subsequently acquitted the respondent from the charge of murder. The appellant filed an appeal and submitted that the prosecution's witnesses were credible and had successfully proved that the respondent was the person who cause the deceased's death. The appellant averred that circumstantial evidence supported the evidence of the prosecution's main witnessed which stated that deceased's death was not because of suicide. Further, the appellant disputed the finding of the trial judge that there was a depression factor which cause the deceased to hang herself. The final issue raised by the appellant was the action of the respondent which was deemed unreasonable in normal circumstances and this was contended as as showing the respondent's guilty mind.

Held, dismissing the appeal and discharging the respondent:

(1) The trial judge did not err in holding that the evidence of SP6 did not conclusively state that the deceased was strangled at the neck from behind. Instead, SP6 did not dismiss the possibility that the deceased had hang herself based on factors such as the deceased's height, the height of the ceiling fan and the distance of where the deceased was hanging from

the floor. SP6 stated that there were no injuries that were caused by struggling or self-defence (see paras 29 & 32).

(2) SP7 did not dismiss the possibility that the deceased hung herself. SP7 agreed that if the broken small chair was placed on the floor, it could enable the deceased to reach the ceiling fan and hang herself using the bed sheet which had been knotted first. About the absence of the deceased's footsteps on the dressing table which was suspected to have been used by the deceased to hang herself, SP7 agreed that there was a possibility that the dressing table was not stepped on by the deceased to hang herself. Instead, there was a possibility that the broken small chair was used by the deceased to hang herself (see paras 33–34 & 36).

(3) Regarding the respondent's delay in breaking the room's door, the court found that this could be explained by the respondent's own testimony. The respondent tried to break the door which was locked from inside after hearing something fell but did not succeed because he lacked the energy as he had been fasting. The respondent broke fast first before coming back to break the door. The respondent stated that he didn't expect the deceased to hang herself. The court found that the respondent's explanation was reasonable and could be accepted (see para 38).

(4) On the respondent's delay in making an emergency phone call, the respondent stated that he took some time to bring down the deceased first by bringing her down and conducting CPR. The court found that the appellant's contention that the respondent showed a guilty mind could not be acceded to in the circumstances of this case (see para 39).

(5) On the issued of depression, the court agreed that the finding of the trial judge that based on the testimonies of the deceased's friends and parents that there was a change in the deceased, in that she was not cheerful and was always depressed when she went to hometown to relax her mind. This showed depression on the deceased's part before the incident (see para 40).

(6) The court agreed with the trial judge's finding that the prosecution failed to prove the charge against the respondent beyond reasonable doubt and found that there was no error committed by the trial judge in acquitting the respondent (see para 41–42).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembelaan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 42–83.

Kes-kes yang dirujuk

PP v Jitweer Singh a/l Ojagar Singh [2014] 6 MLJ 222; [2014] 1 CLJ 433, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 9, 114(g)
Kanun Keseksaan ss 302, 303

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah Kes No 45B-43–02 Tahun 2013 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Nurshafini bt Mustafha (Jasmee Hameeza Jaafar bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Muhammad Fadhli bin Mat Sutris (Shah Rizal bin Abdul Manan bersamanya) (Fadhli Sutris & Partners) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Ini adalah rayuan pendakwa raya terhadap perintah hakim Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam yang telah membebaskan responden daripada pertuduhan membunuh isteri beliau, suatu kesalahan di bawah s 303 Kanun Keseksaan.

[2] Pertuduhan terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 28 Julai 2012, jam diantara 9.30 pagi hingga 9.27 malam bertempat di alamat No 115, Tingkat 1, Blok 0, Apartment Saujana, Jalan PJU 10/1C, Damansara Damai, Sungai Buloh, di dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah membunuh Nur Syaleza binti Jaafar (No Kad Pengenalan 810321–01–5428) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[3] Selepas mendengar hujahan pihak perayu dan hujahan balas pihak responden, pada 19 Februari 2016 kami telah sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan hakim bicara yang telah membebaskan responden. Berikut adalah alasan-alasan kami dalam menolak rayuan perayu.

KES PENDAKWAAN

[4] Pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan melalui 24 orang saksi. Tiada saksi mata dalam kes ini. Kes pendakwaan sepenuhnya bergantung kepada keterangan mengikut keadaan *(circumstantial evidence)*. Mangsa, Nur Syaleza bt Jaafar ('si mati') adalah isteri kepada responden. Mereka telah melangsungkan perkahwinan dalam tahun 2008 dan telah dikurniakan dengan seorang cahayamata yang dilahirkan pada 22 Mac 2010. Responden

dan si mati tinggal bersama di dalam sebuah rumah di mana kejadian pembunuhan dikatakan telah berlaku. Kejadian berlaku di dalam bulan Ramadhan al-Mubarak di mana umat Islam sedang menjalankan ibadah puasa.

[5] Pada hari kejadian, 28 Julai 2012, jam 9.01 malam, Encik Wahidi bin Mamat ('SP13'), seorang penolong pegawai perubatan baru memulakan tugas sebagai 'call taker' di Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Buloh. SP13 telah menerima satu panggilan kecemasan 999 dari seorang lelaki Melayu (yang kemudiannya dicamkan sebagai responden) yang meminta ambulans dihantar ke rumah beliau. Responden memberitahu, isterinya ('si mati') tidak sedarkan diri. SP13 telah meminta responden untuk melakukan CPR sementara menunggu ketibaan ambulans. Responden memaklumkan bahawa beliau telahpun melakukan tindakan CPR tersebut. SP13 menyatakan nada suara responden pada waktu itu 'biasa, tenang dan tidak ada kelam kabut' (ms 176 *AR* Jld 2). SP13 kemudian dimaklumkan oleh para medik, Mohd Faizal bin Azmi ('SP8') yang pergi ke tempat kejadian bahawa mangsa telahpun meninggal dunia. SP13 telah memaklumkan perkara ini kepada doktor yang bertugas Dr Aminudin dari Hospital Sg Buloh dan juga kepada L/Kpl Rosemary ak Kapi ('SP1') yang bertugas di Pejabat Pertanyaan di Balai Polis Damansara Damai.

[6] Saksi SP1 mengesahkan telah menerima maklumat daripada SP13 pada jam 9.40 malam yang menyatakan seorang perempuan Melayu telah mati kerana menggantung diri. SP13 telah menjadikan maklumat itu sebagai laporan maklumat pertama ('FIR') dan dijadikan sebagai Sg Buloh Report No 8968/12 ('P5'). SP1 telah maklumkan laporan itu kepada Ketua Polis Balai, Insp Afandi bin Hussin, Sjn Manivanna a/l Sinnapen ('SP5') serta anggota MPV, L/Kpl Mohd Fuad bin Jamaludin ('SP14') dan juga L/Kpl Mohd Nazrie bin Siran.

[7] Saksi SP5 adalah diantara anggota pasukan polis yang terawal sampai di tempat kejadian bersama dua lagi anggota dan pemandu MPV. Saksi tiba pada jam 10 malam. SP5 melihat SP14 dan L/Kpl Nazri Siran telah terlebih dahulu tiba di sana. Pada masa itu dua orang pembantu perubatan termasuk SP8 bersama ambulans telahpun berada di sana. SP14 mengesahkan bahawa dua pembantu perubatan telah lebih awal sampai di tempat kejadian. SP5 menyatakan responden memberitahu bahawa isterinya telah menggantung diri pada kipas siling dalam bilik dengan menggunakan kain cadar.

[8] SP5 telah menjalankan siasatan awal di tempat kejadian. SP5 mendapati pintu bilik di mana simati dikatakan telah menggantung diri terdapat kesan pecah, bilik dalam keadaan berselerak dan ada sebuah almari solek dalam keadaan terjatuh di tepi katil tetapi cerminnya tidak pecah. Dua helaian kain cadar warna coklat dalam keadaan telah dipotong dengan pisau

terletak atas tilam. Responden memberitahu SP5 bahawa mayat isterinya telah beliau turunkan dengan memotong kain cadar dengan mengunakan pisau pemotong daging dan simpul pada kain cadar turut telah beliau buka. SP5 melihat ada kesan lebam dileher si mati. Responden kemudiannya telah menyerahkan sebilah pisau pemotong daging kepada SP5 (P14 di ms 636–639 *AR* Jld 6). SP5 telah mengambil 11 keping gambar di tempat kejadian. Atas arahan Insp Afandi bin Hussin, Ketua Polis Balai Sg Buloh, SP5 telah menghantar mayat si mati ke Hospital Sg Buloh untuk dibedah siasat.

[9] SP5 menyatakan bahawa hasil bedah siasat oleh Dr Shahidan bin Md Nor ('SP6'), SP5 diberitahu bahawa disyaki terdapat unsur jenayah dalam kematian si mati. SP5 telah menyerahkan siasatan selanjutnya kepada ASP Shamzury bin Saman ('SP24').

[10] Saksi SP14 telah sampai ke tempat kejadian pada jam 9.55 malam setelah menerima maklumat dari SP1 mengenai kejadian. Di tempat kejadian, SP14 telah bertemu dengan dua orang pembantu perubatan, responden dan anak pasangan itu berusia dalam lingkungan dua tahun yang sedang bermain. Beliau telah dimaklumkan oleh pembantu pegawai perubatan ('SP8') bahawa mangsa telahpun meninggal dunia.

[11] Pada 29 Julai 2012 jam 12.10 tengahari, SP6 telah mula menjalankan bedah siasat terhadap 'jasad si mati'. Jasad si mati telah dicamkan oleh responden dan juga oleh SP24. Dalam pemeriksaan luaran, SP6 mendapati keadaan dan kecederaan luaran berikut pada jasad si mati:

> Her face was congested. The front of the neck showed a band of reddish mark or blanched area of 24cm and 5.5cm wide with its upper edge 4cm below the chin and its lower edge 3cm above the sternal notch on the midline. It was horizontally positioned and on the sides of it was 4cm below the right ear and 5cm below the left ear. The lips of the mouth and the fingernail beds were cyanosed.
>
> Substantial blood-stained froths were present on the mouth and nostrils. A bruise 1.5 x 1.5cm was noted on upper right forehead 13cm above interbrow ridge and 4cm from midline. A greenish bruise 4 x 2cm was noted on the outer aspect of right shin. Another bruise 4 x 2cm was also noted on outer aspect middle of the right foot.
>
> A previous surgical scar of 13cm horizontally located on the suprapubic area of the abdomen. An old scar 7 x 1.5cm was evident on the inner aspect of the left shin.
>
> Rigor mortis was generalised and hypostasis present on the back (Laporan Bedah Siasat di ms 650–652 *AR* Jld 7).

[12] Saksi SP6 merumuskan kematian si mati adalah disebabkan oleh asfiksia yang bermaksud udara tidak dapat masuk ke dalam paru-paru sebab ada halangan pada bahagian atas pernafasan, iaitu ada tekanan dileher *(asphyxia due to obstruction of upper airways)*. SP6 menyatakan kemungkinan berlaku tekanan pada leher si mati seperti menggantung diri atau ada satu

bentuk ligature yang dikenakan pada bahagian leher si mati (ms 82 *AR* Jld 1). A

[13] Saksi ASP Mazli bin Jusoh @ Che Kob ('SP7') adalah pegawai forensik yang telah menjalankan penyiasatan di tempat kejadian. SP7 dan lima anggota pasukan beliau telah tiba di tempat kejadian pada 29 Julai 2012, satu hari selepas kejadian, pada jam 12.25 tengahari. Beliau telah menerima taklimat ringkas daripada SP5 mengenai kejadian sebelum memulakan penyiasatan. Responden ada hadir bersama sepanjang masa pemeriksaan dan penyiasatan yang dijalankan oleh SP7 dan pasukan beliau. Hasil siasatan dan pemeriksaan yang telah beliau lakukan, SP7 telah menyediakan tiga laporan seperti STK 512/12 ('P20'), STK 516/12 ('P21') dan STK 517/12 ('P22') seperti di ms 672–680 *AR* Jld 7. B C

[14] SP7 merumuskan hasil siasatan beliau bahawa berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada di tempat kejadian, kejadian si mati menggantung diri pada kipas siling tidak berlaku. SP7 telah memberikan alasan-alasan seperti berikut: D

(a) keadaan kipas siling yang berada dalam keadaan baik;

(b) kesan habuk yang ada pada bahagian atas kipas siling tidak terusik jika benar ada berlaku lilitan kain pada kipas siling tersebut; E

(c) cadar yang dikatakan telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri di dalam keadaan tiada kesan simpulan pada kedua-dua hujung cadar tersebut;

(d) kesan potongan yang dikatakan pada cadar yang telah dipotong oleh responden dengan menggunakan pisau adalah tidak begitu selari dengan keadaan kesan potongan oleh pisau kerana kesan potongan tersebut adalah agak bersih; F

(e) penggunaan bangku kecil adalah kurang sesuai jika diletakkan atas tilam, ianya tidak begitu stabil dengan keadaan tilam yang boleh turun naik; G

(f) responden mengatakan si mati telah menggunakan meja solek untuk menggantung diri, namun cermin meja solek dalam keadaan baik dan tidak pecah seperti sepatutnya sekiranya cermin itu tertanggal dan jatuh ke atas lantai; dan H

(g) tidak terdapat jalur tapak kaki atas meja solek tersebut setelah proses 'dusting' dilakukan sekiranya si mati telah memijak meja solek tersebut.

I

[15] Saksi SP24 telah mengambil alih siasatan kes ini daripada SP5 setelah kes dikelaskan semula di bawah SDR *(sudden death report)* kepada satu kes pembunuhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Hasil siasatan pihak forensik oleh SP7 dan hasil bedah siasat oleh SP6, pihak polis mengesyaki si mati tidak

menggantung dirinya. Sebaliknya pihak polis mempercayai si mati telah mati akibat perbuatan jenayah yang dilakukan oleh responden, suami si mati. Oleh itu responden telah ditangkap pada 30 Julai 2012, jam lebih kurang 10.15 malam di rumah keluarga si mati di Felda Redong, Tenang, Segamat, Johor Darul Takzim. Tangkapan terhadap responden telah dilakukan oleh Sjn Mejar Mohamad Rafi bin Osman ('SP23'). Laporan tangkapan seperti Tenang Report No 536/12 (P48) di ms 732 *AR* Jld 7.

[16] SP24 mengesahkan, sebelum ditangkap, responden telah membuat satu laporan polis melalui Sg Buloh Report No 8971/12 (P53 di ms 735 *AR* Jld 7). Laporan itu telah dibuat pada jam 12.28 tengah malam pada 29 Julai 2012. Dalam P53, antara lain responden menyatakan sebelum kejadian itu telah berlaku perselisihan faham diantara beliau dengan si mati berpunca dari responden tidak menepati janji dan masalah kewangan. Seterusnya responden menyatakan pada jam 7.15 petang sebelum berbuka puasa si mati terus masuk ke dalam bilik tidur dengan menguncikan pintu dari dalam. Semasa berbuka puasa, responden mendengar seperti ada bunyi benda jatuh di dalam bilik. Beliau memecahkan pintu bilik dan mendapati isterinya dalam keadaan tergantung.

[17] SP24 menyatakan beliau ada menghantar beberapa barang kes kepada dua orang ahli kimia iaitu, Pn Zaraiha bt Awang ('SP9') dan Pn Nor Aidora bt Saedon ('SP10') untuk pemeriksaan dan penganalisaan. SP9 dalam keterangan beliau mengesahkan sampel darah si mati tidak mengandungi *etil alcohol* tetapi mengandungi *paracetamol* iaitu sejenis dadah *analgesic* yang digunakan untuk mengurangkan kesakitan. Manakala SP10 menyatakan terdapat kesan darah si mati pada baju-T, seluar pendek, seluar dalam, parang dan keratan kuku tangan kiri dan kanan si mati. SP10 juga mengesahkan terdapat kesan DNA responden pada seluar pendek yang dipakai oleh si mati. Tiada kesan DNA pada putik kapas calitan habuk pada kipas siling dan pada kain cadar yang dikatakan telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri. Laporan kimia ('P32') yang telah disediakan oleh SP10 terdapat di ms 707–712 *AR* Jld 7.

[18] SP10 telah menyerahkan dua potongan kain cadar dan sebilah pisau kepada ahli kimia Khairul Annwar bin Norhan ('SP22') untuk dibuat penganalisaan lanjut. SP22 mendapati selepas menjalankan pemeriksaan bahawa tiada sebarang kesan debu atau kotoran yang penting pada cadar tersebut manakala pada potongan pada bahagian cadar 'A' dan bahagian cadar 'B' adalah konsisten dipotong menggunakan objek tajam seperti pisau semasa dalam keadaan gulungan/gumpalan. SP22 mengesahkan pisau 'E-6' (yang telah diserahkan oleh responden kepada SP5) boleh digunakan untuk memotong gulungan/gumpalan cadar dalam keadaan tegang. SP10 bagaimanapun tidak dapat memastikan pisau 'E-6' sebenarnya telah

digunakan dalam kes ini oleh kerana tiada sebarang karektoristik unik pada kesan/corak potongan yang mengaitkannya (laporan kimia oleh SP22 seperti P33 di ms 713 *AR* Jld 7).

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[19] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati keterangan saksi-saksi pendakwaan terutamanya melalui keterangan saksi-saksi SP5, SP7 dan SP24 jelas menunjukkan secara, prima facie, bahawa si mati telah dibunuh dan bukan telah menggantung dirinya. Hakim bicara yang bijaksana turut menimbang dan menerima keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi termasuk ibu si mati, Rohani bt Aris ('SP20'); rakan-rakan si mati, Amin Hayat bin Abd Rahim ('SP18'), Rusliza bt Md Drus ('SP19') dan jiran si mati Nor Ahmad Nazri bin Ismail ('SP16') berkaitan dengan tingkah laku responden. Menurut hakim bicara yang bijaksana terdapat beberapa kelakuan responden yang didapati meragukan, termasuklah:

(a) nada suara responden yang cuma sedih biasa sahaja;

(b) responden dilihat sibuk membuat panggilan telefon semasa di bilik mayat;

(c) responden tidak menaiki atau mengiringi kereta jenazah pulang ke kampung si mati untuk pengkebumian;

(d) responden hanya sampai pada waktu jenazah hendak di masukkan ke liang lahad;

(e) responden dilihat dalam keadaan resah dan gelisah semasa berada di rumah ibu si mati sebelum ditahan oleh pihak polis;

(f) responden telah mencatitkan permohonan maaf di Facebook SP19, rakan sekerja si mati; dan

(g) responden menyatakan kepada SP16 bahawa tak perlu dia (responden) mengiringi si mati ke hospital dan bahawa dia akan pergi keesokkan harinya sahaja.

[20] Hakim bicara yang bijaksana memutuskan tingkah-laku responden seperti tersebut di atas adalah berkaitan dan boleh diterima masuk di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 dan penjelasan hendaklah diberikan oleh responden di bawah s 9 Akta yang sama. Hakim bicara juga mendapati keterangan saksi-saksi pendakwaan berkaitan tingkah-laku responden dapat menunjukkan 'guilty mind' responden dalam kes ini. Responden adalah orang yang terakhir berada bersama si mati sebelum si mati ditemui mati di rumah yang didiami oleh responden, si mati dan seorang anak kecil mereka yang berusia dua tahun.

[21] Hakim bicara yang bijaksana berpuas hati setelah membuat penilaian yang maksima bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap responden seperti pertuduhan. Oleh itu responden telah diperintahkan supaya membela diri atas pertuduhan.

KES PEMBELAAN

[22] Responden telah memilih untuk memberi keterangan membela diri secara bersumpah dari kandang saksi. Secara ringkasnya, keterangan membela diri respondan adalah seperti berikut:

(a) beliau bekerja dengan BERNAMA sebagai jurutera IT dengan pendapatan RM3,000 sebulan. Beliau telah berkahwin dengan si mati pada 26 Oktober 2008 atas dasar suka sama suka;

(b) dalam tahun 2009, semasa si mati sedang mengandung tujuh bulan berlaku pergaduhan antara mereka kerana si mati mendapat tahu beliau ada hubungan sulit dengan rakan sekerja di BERNAMA yang bernama Haslinda. Pada masa yang sama Haslinda merupakan rakan 'facebook' si mati dan Haslinda telah menceritakan kepada si mati mengenai hubungannya dengan responden;

(c) sejak itu si mati telah berubah sikap dari seorang yang lemah lembut, ceria dan mudah senyum bertukar menjadi murung dan pendiam. Malahan si mati pernah melukakan tangan, kaki dan betisnya sendiri semasa bersendirian. Beliau tidak membuat laporan polis mengenai perkara tersebut demi menutup aib keluarga;

(d) beliau menyedari sikap si mati semakin berubah, kurang bercakap dan suka menyendiri bersama dengan anaknya apabila si mati mendapat tahu beliau telah membawa Haslinda balik ke rumah mereka semasa si mati berada di kampung dalam tempoh berpantang;

(e) walaupun beliau telah memutuskan hubungannya dengan Haslinda namun sikap si mati masih tidak berubah. Beliau menyarankan agar si mati pergi mendapatkan rawatan pakar psikiatri tetapi ditolak oleh si mati. Walau bagaimanapun mereka tidak pernah bergaduh;

(f) kira-kira sepuluh hari sebelum kejadian beliau bertugas di *platform offshore* di Terengganu, beliau selalu menelefon si mati untuk bertanya khabar tetapi dijawab secara acuh tak acuh oleh si mati. Beliau sepatutnya pulang pada hari yang kesembilan tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana penerbangan penuh. Ini menyebabkan si mati menjadi marah dan menuduh beliau sengaja memberi alasan untuk tidak pulang;

(g) pada keesokkan harinya, beliau telah kembali ke Kuala Lumpur. Beliau telah pergi menjemput si mati di pejabat si mati di Media Prima. Ketika itu sikap si mati terhadap beliau terlalu dingin walaupun beliau telah memohon maaf;

(h) pada jam 1 petang hari kejadian, si mati telah masuk ke dalam bilik kedua rumah mereka. Pada jam 5 petang, beliau melihat BBM messenger dan ada melihat catitan oleh si mati yang mengadu respendon tidak mengambil berat tentang dirinya ketika beliau (si mati) sakit dan berkata 'kehidupan dengan papa adalah kehidupan memenatkan'. Pada jam 6 petang beliau menjenguk si mati dalam bilik kedua tersebut dan memaklumkan kepada si mati yang beliau mahu pergi ke bazar Ramadhan;

(i) selepas waktu Maghrib, beliau mendengar pintu bilik kedua dikunci dari dalam dan mendengar seakan bunyi benda jatuh. Beliau memanggil si mati tetapi tiada jawapan. Beliau cuba beberapa kali untuk membuka pintu tetapi tidak berjaya. Oleh itu beliau mengambil keputusan untuk berbuka puasa terlebih dahulu bagi mendapatkan tenaga;

(j) beliau kemudian telah memecahkan pintu bilik kedua. Apabila masuk ke dalam bilik itu, beliau melihat si mati dalam keadaan tergantung di kipas siling dengan kaki si mati tidak jejak ke lantai, hanya jejak ke atas tilam memandangkan kedudukan kipas siling itu berada di tengah-tengah bilik;

(k) beliau kemudian telah menurunkan mayat si mati dengan cara memotong kain yang melilit leher si mati menggunakan pisau; dan

(l) beliau menafikan beliau telah menyerang dan membunuh si mati dengan cara menjerut leher si mati. Beliau tiada sebarang motif untuk membunuh si mati.

[23] Responden telah mengemukakan percakapan beramaran ('D62') yang beliau telah berikan kepada SP24. Percakapan yang beliau berikan adalah selari dengan keterangan beliau di mahkamah. Responden juga telah membuat laporan polis ('P53') di Balai Polis Sg Buloh yang telah dikemukakan ke mahkamah oleh SP24. Laporan polis P53 juga selari dengan keterangan responden di mahkamah.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

[24] Setelah membuat pertimbangan secara keseluruhan keterangan yang berada di hadapan mahkamah, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap

kes prima facie pihak pendakwaan. Pendakwaan didapati gagal untuk membuktikan kes mereka melampaui sebarang keraguan yang munasabah atas alasan-alasan berikut:

(a) tiada motif dibuktikan walaupun pertuduhan melibatkan pembuktian berdasarkan keterangan mengikut keadaan. Hubungan sulit responden dengan Haslinda tidak boleh dijadikan motif oleh kerana insiden telah berlaku lebih dua tahun sebelum kejadian. Dengan ketiadaan motif dibuktikan, kes pendakwaan menjadi sukar;

(b) kegagalan pihak polis menyiasat kemungkinan bangku kecil yang telah patah telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri adalah fakta yang tidak memihak kes pendakwaan. Alasan diberikan kerana terlepas pandang tidak dapat diterima oleh mahkamah;

(c) kegagalan SP24 untuk menyiasat isu kemurungan si mati yang tersebar di media masa, gagal menyiasat lanjut terhadap status BBM si mati 'Sabarlah Duhai Hati' dan gagal menyiasat BBM messenger 'Kehidupan dengan papa adalah kehidupan memenatkan' turut mencacatkan kes pihak pendakwaan dan hakim bicara telah menguna pakai anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan;

(d) SP24 juga gagal menyiasat terhadap isu penukaran sikap si mati. Sekiranya penyiasatan menyeluruh dilakukan kemungkinan satu penemuan berlainan akan dicapai;

(e) tiada siasatan juga terhadap penemuan oleh SP6 tentang kesan kehijauan dan kesan lebam di kaki si mati dan ini telah menimbulkan keraguan sama ada benar ada cubaan si mati untuk membunuh diri sebelum kejadian ini;

(f) hakim bicara menerima keterangan rakan sekerja dan ibubapa si mati (SP18, SP19, SP20 dan SP21) yang mengesahkan si mati mengalami kemurungan dan kemungkinan ianya menjadi punca sebenar si mati telah menggantung diri;

(g) hakim bicara yang bijaksana mendapati beberapa aspek siasatan oleh SP24 tidak lengkap dan kurang kesungguhan sehingga telah melemahkan kes pendakwaan dan ini diakui sendiri oleh SP24;

(h) fakta responden dilihat orang terakhir bersama si mati tidak mencukupi untuk mensabitkan responden dengan pertuduhan tanpa keterangan kukuh menjurus kepada inferen yang satu bahawa respondenlah orang yang telah membunuh si mati; dan

(i) hakim bicara telah menerima keterangan membela diri responden sebagai benar dan boleh dipercayai dan keterangan responden gagal disanggah (rebut) oleh pihak pendakwaan. Pembelaan responden juga

telah berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Manfaat keraguan hendaklah diberikan kepada responden.

RAYUAN PERAYU

[25] Di hadapan kami Puan TPR yang bijaksana telah menghujahkan bahawa saksi-saksi pihak pendakwaan adalah kredibel dan telah berjaya membuktikan bahawa responden merupakan orang yang telah menyebabkan kematian si mati. Puan TPR telah mengulas satu persatu keterangan saksi-saksi penting pendakwaan termasuklah pakar patologi ('SP6'), pegawai penyiasat asal ('SP5'), pegawai forensik ('SP7'), jiran bernama Kannan a/l Nagalingam ('SP15'), ahli kimia kriminalistik ('SP22') dan pegawai penyiasat ('SP24'), dan menghujahkan bahawa si mati tidak membunuh diri. Beliau berhujah bahawa si mati dilihat kali terakhir bersama responden, oleh itu responden mempunyai kaitan dengan kematian si mati (*Public Prosecutor v Jitweer Singh a/l Ojagar Singh* [2014] 6 MLJ 222; [2014] 1 CLJ 433 (MP)).

[26] Puan TPR juga berhujah bahawa keterangan mengikut keadaan telah menyokong keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan yang menyatakan kematian si mati bukan kerana membunuh diri. Sebaliknya dihujahkan si mati telah dibunuh oleh responden dengan cara menjerut leher si mati dari arah belakang dengan menggunakan kain cadar. Puan TPR juga mempertikaikan dapatan hakim bicara yang bijaksana bahawa terdapat faktor kemurungan yang telah menjadi punca si mati menggantung diri.

[27] Isu terakhir ditimbulkan oleh Puan TPR terpelajar adalah berkaitan dengan kelakuan responden yang didakwa sebagai tidak munasabah dalam keadaan yang biasa dan dihujahkan ini dapat menunjukkan 'guilty mind' responden, iaitu:

(a) responden gagal mengambil tindakan pantas untuk memecahkan pintu bilik tempat kejadian sekiranya benar beliau ada mendengar bunyi benda jatuh dari dalam bilik tersebut sewaktu hendak berbuka puasa; dan

(b) responden telah lewat selama satu setengah jam untuk memaklumkan kejadian ke talian kecemasan 999.

KEPUTUSAN KAMI

[28] Setelah membuat penelitian keseluruhan rekod prosiding, kami sebulat suara bersetuju dengan dapatan dan keputusan hakim bicara tersebut bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan pertuduhan terhadap responden melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Alasan utama yang

telah diberikan oleh hakim bicara yang bijaksana adalah bahawa keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan dan juga keterangan mengikut keadaan tidak dapat menidakkan sama sekali kemungkinan si mati telah membunuh diri. Hakim bicara telah dengan secara terperinci dan tepat mengulas setiap keterangan yang ada di hadapannya dan pada akhirnya memutuskan tiada keterangan yang kukuh bahawa si mati telah dibunuh. Hakim bicara akhirnya telah menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan sendiri yang menunjukkan terdapat perubahan terhadap kehidupan akibat kekecewaan si mati serta bibit-bibit kemurungan sebagai punca kepada si mati membunuh diri.

[29] Kami sebulat suara bersetuju dengan dapatan dan keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara yang bijaksana dalam kes ini. Hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan keterangan saksi SP6 tidak secara konklusif menyatakan bahawa si mati telah dijerut dileher dari arah belakang. Sebaliknya SP6 tidak menolak kemungkinan si mati telah menggantung diri. Mengenai keterangan SP6, hakim bicara membuat dapatan di ms 36–37 *AR* Jld 1 seperti berikut:

> Semasa disoal semula oleh TPR, SP6 menyatakan bahawa kemungkinan terdapat perbuatan orang ketiga kerana kesannya adalah lebih 'horizontal' dan pada masa yang sama, SP6 mencadangkan ada unsur serang hendap. Walau bagaimanapun, SP6 tetap tidak menolak kemungkinan yang si mati telah menggantung dirinya, jika dilihat kepada ikatan cadar yang sebegitu rupa yang sekiranya dililitkan dileher di dalam posisi yang hampir 'upright', kesan dileher adalah lebar.
>
> Jika diteliti kepada inti pati keterangan SP6, jelas boleh dirumuskan bahawa SP6 sendiri selaku pakar, tidak dapat menentukan dengan secara jelas samada si mati menggantung diri ataupun dijerut sehingga mati. Tiga situasi tentang kemungkinan tersebut diberikan oleh beliau. Beliau merumuskan bahawa keadaan penemuan si mati boleh juga dikategorikan sebagai 'artificial hanging' dimana ianya juga boleh menyebabkan kematian. Namun beliau mengakui bahawa beliau tidak pernah menemui kes 'artificial hanging' sebegini.
>
> Sebagai seorang pakar, yang berpengalaman luas di dalam bidangnya, keterangan beliau amatlah diharapkan dapat membantu mahkamah. Namun, jika diperhatikan keterangan beliau, beliau sendiri menghadapi kesukaran di dalam mencari jawapan sebenar. Teori yang diaplikasikan kesemuanya berkemungkinan dan berkesudahan dengan boleh diterima belaka. Beliau tidak dapat melalui kajian professionalnya menyatakan dengan begitu pasti, yakin serta tepat akan bagaimanakah punca yang menyebabkan kematian si mati yang sebenar. Oleh itu, di dalam keadaan sedemikian yang mana pelbagai inferens boleh dizahirkan dan pelbagai kemungkinan boleh dipadankan, undang-undang menetapkan inferens yang memihak kepada tertuduh hendaklah diterima. (Lihat kes *PP v Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457) dan di dalam kes ini, situasi yang dinyatakan oleh SP6 bahawa beliau tidak menolak kemungkinan si mati telah menggantungkan dirinya sendiri, hendaklah diterima, berdasarkan kepada alasan-alasan seperti yang dinyatakan oleh beliau sendiri dan atas kedapatan beliau juga yang si mati menggantung dirinya sendiri.

[30] Mengenai keterangan SP7, hakim bicara yang bijaksana membuat dapatan di ms 37–38 *AR* Jld 1 seperti berikut: A

> Keterangan yang ditampilkan oleh saksi-saksi juga menyokong hakikat tersebut. SP7, ASP Mazli semasa disoal balas bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa melihat kepada keadaan renggangan yang terdapat pada kipas digambar P8 dan P12, renggangan tersebut boleh terhasil dari suatu tarikan badan yang jatuh dari kipas tersebut. SP7 juga bersetuju yang melihat kepada keadaan bangku kecil yang patah dan renggangan yang terdapat pada kipas siling itu, hakikat terdapatnya gantungan berlaku kepada kipas itu sebagai sesuatu yang tidak boleh ditolak. B
>
> Sehubungan dengan itu, mengenai kesan habuk yang tidak terusik dikipas siling tersebut, semasa lawatan ke tempat kejadian dilakukan oleh kesemua pihak, apabila demo mencalit di bahagian atas kipas tersebut dilakukan, didapati sememangnya tidak terdapat sebarang habuk yang melekat. Lawatan itu dilakukan selepas dua tahun kejadian berlaku. Isu ini berbangkit kerana keterangan ditampilkan bahawa tidak mungkin si mati menggantung dirinya kerana habuk di bahagian atas kipas tidak terusik. Malah fakta ini turut dipersetujui oleh SP7 sendiri melalui beberapa soalan yang diajukan oleh Peguambela terhadapnya. C D
>
> Mengenai bangku kecil yang patah itu pula, SP7 di dalam keterangannya tidak menolak kemungkinan yang ianya telah digunakan oleh si mati semasa menggantung dirinya.
>
> Lawatan ke tempat kejadian juga menunjukkan bahawa kemungkinan bangku kecil ini digunakan sebagai alat untuk menggantung diri adalah berkemungkinan, apabila ianya diletakkan di atas lantai di bawah kipas untuk dijadikan sebagai pemijak. Ini juga turut dipersetujui oleh SP7. Mengenai meja solek pula, kepada cadangan peguambela yang kemungkinan si mati telah menyepak atau menolak meja solek tersebut hingga terjatuh, SP7 bersetuju dan menjawab ia berkemungkinan (boleh jadi). E F

[31] Manakala mengenai keterangan SP22 pula, hakim bicara yang bijaksana mendapati seperti berikut di ms 38 *AR* Jld 1: G

> Terhadap isu tiada simpulan pada cadar dan kesan potongan yang tidak selari dengan kesan potongan dengan menggunakan pisau, keterangan oleh SP22 memberikan kecerahan bila mana dengan merujuk kepada gambar P13(3), SP22 mengesahkan bahawa keadaan kain cadar pada kipas di gambar P13(3) adalah di dalam keadaan gumpalan dan disahkan selanjutnya bahawa keadaan kain cadar seperti di gambar P13(3) itu menjadi gumpalan dan tegang apabila ada sesuatu objek yang menarik kain cadar tersebut. Keterangan SP22 turut mengesahkan yang cadar A dan B adalah konsisten dipotong dengan menggunakan objek tajam seperti pisau di dalam keadaan gumpalan itu tegang, lantas ianya selari dengan keadaan menggantung diri. H

I

[32] Kami mendapati dapatan dan keputusan hakim bicara yang bijaksana disokong oleh keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan. Saksi SP6 menyatakan tiada kecederaan berbentuk kecederaan akibat 'struggling' ataupun 'self-defence'. Hanya satu kecederaan yang terdapat hampir

dipermukaan leher hadapan si mati yang berbentuk mendatar berukuran 24 x 5.5cm berada kira-kira 4cm di bawah dagu. SP6 menyatakan kecederaan ini disebabkan jerutan oleh benda yang lembut dari arah belakang secara serang-hendap pada ketinggian yang sama. Walau bagaimanapun, semasa disoal-balas, SP6 tidak menolak kemungkinan gantung diri berdasarkan faktor ketinggian simati, ketinggian kipas siling tersebut dan jarak simati terampai dari lantai. Begitu juga semasa soal-semula, SP6 masih mengesahkan kemungkinan menggantung diri tidak boleh ditolak sama sekali. Dalam soalsemula oleh pihak pendakwaan di ms 102–103 *AR* Jld 2, SP6 menyatakan seperti berikut:

> Q: Doktor bersandarkan apa yang doktor mengatakan ada possibility si mati mengantung diri ini?
>
> A: Satu kalau kita tidak dapat tengok dia punya tinggi dia, peranan full suspension itu akan berlaku. Tambah kalau tali atau benda-benda yang digunakan adalah kecil kesan tekanan pada leher akan lebih ketara dan posisi yang diambil adalah lebih kepada oblik atau vertical. Tetapi di dalam hal ini, cadar yang bertindak sebagai ligature itu lebih luas jadi yang itu faktor itu mungkin boleh ambil kira, jadi dia tidak menghendakan vertical punya itu, dia lebih daripada horizontal.
>
> Sebab kalau kita tengok bila apa yang saya beritahu sebagai artificial hanging itu selalu mengambil kira benda-benda yang lebih genting. Jadi, bila benda itu kita temu dia lebih horizontal jadi kita suspicion lebih kepada perbuatan orang ketiga sebab dia horizontal in place. Serupa juga dengan ini awal-awal saya ditunjukkan tidak ada, walaupun saya telah pergi ke tempat kejadian, tapi masih tidak nampak lagi macam mana dia menggantung sebab saya kalau kaki dia fully suspended, berat dia 57kg, kalau ligature yang digunakan adalah genting saya berpendapat dia punya hubungan dekat itu adalah lebih vertical, tapi dalam hal ini bila peguambela tunjuk benda tadi sebab saya masih katakan benda itu, bila tengok benda itu secara dekat location, mungkin dia orang sudah tangkap dahulu sebelum saya datang, bila dia tunjukkan pada masa ini saya rasa ada possibility yang kain atau cadar yang lebih tebal itu memberi gambaran yang macam itu. Walaupun suspension tidak ada, sebab diapun tidak totally uncircle the neck, hanya peranan sebahagian daripada berat badan dia. Jadi sayapun sebenarnya susah nak kata.

[33] Saksi SP7 juga tidak menolak ada kemungkinan si mati telah menggantung diri. Semasa soalbalas, antara lain SP6 menyatakan seperti berikut (di ms 43–115 *AR* Jld 2):

> Q: Melihat kepada kerusi yang patah, ada kemungkinan digunakan oleh si mati untuk naik ke kipas, betul?
>
> A: Betul
>
> Q: Saya katakan kita tidak boleh mengenepikan kemungkinan bahawa sememangnya ada kemungkinan gantung diri berlaku berdasarkan fakta ini?
>
> A: Jika menggunakan kerusi, ya.
>
> ...

Q: Saya katakan pada ASP, melihat kepada keadaan kipas ini yang mana telah mendapat renggangan, sila lihat gambar P8(4) dan P12 (23 dan 24). Melihat pada gambar ini terdapat renggangan pada kipas ini?

A: Setuju.

Q: Saya katakan kepada ASP, dalam keadaan sesuatu tarikan badan yang jatuh daripada kipas ini, boleh menyebabkan renggangan ini?

A: Betul.

...

Q: Jadi, saya katakan melihat kepada keadaan kerusi yang patah dan melihat kepada renggangan yang mungkin disebabkan yang kita katakan tadi, kita tidak boleh menolak ada gantungan berlaku pada kipas ini, betul?

A: Betul.

[34] Keterangan SP7 mengesahkan bahawa beliau tidak melakukan siasatan terperinci mengenai kemungkinan kerusi kecil yang kakinya telah patah itu telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri. SP7 memberikan alasan bahawa kerusi kecil itu diperbuat daripada papan lapis dan jika diletakkan atas tilam menjadi tidak stabil oleh kerana keadaan tilam yang boleh turun naik. Bagaimanapun SP7 bersetuju bahawa sekiranya kerusi kecil itu diletakkan di atas lantai ianya membolehkan si mati mencapai kipas siling dan seterusnya menggantung diri menggunakan kain cadar yang telah disimpulkan terlebih dahulu.

[35] SP7 turut mengesahkan bahawa terdapat kerosakan terhadap pintu bilik dimana si mati didakwa telah menggantung diri. Walaupun SP7 mengatakan tiada kerosakan terhadap tombol pintu, namun terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa serangkai tiga batang anak kunci yang ditemui dari dalam bilik tersebut tidak lagi dapat digunakan untuk tombol pintu tersebut. SP7 seterusnya menyatakan beliau telah diberitahu oleh SP5 bahawa pintu bilik itu telah rosak akibat dipecahkan oleh responden. Keterangan SP24 mengesahkan lagi perkara ini seperti di ms 333–335 *AR* Jld 4, sebagaimana berikut:

Q: Pada masa itu, adakah tertuduh tunjuk atau demo pada awak dia cuba buka pintu bilik itu pakai kunci?

A: Ada.

YA: Dimanakah butiran yang menyatakan bahawa tertuduh itu menyerahkan kunci itu kepada kamu?

A: Saya mencatitkan semuanya di dalam ID siasatan.

Q: Masa dia cuba buka pintu bilik itu, adakah pintu bilik itu dapat dibuka?

A: Tidak dapat.

Rujuk kunci kepada saksi

Q: Ada perkataan Saturn dekat situ?

A: Ada

Q: Adakah kunci itu dicuba satu-satu pada pintu bilik itu?

A: Ada.

Q: Di 'duplicate' ke kunci itu?

A: Ini kunci bilik yang sama. Saya tidak pasti ini kunci pendua atau tidak, tapi semuanya sama.

Q: Ada awak siasat kunci ini berpadanan dengan tombol pintu itu?

A: Ya, saya sendiri telah mencubanya.

Q: Ia berpadanan dengan tombol pintu itu?

A: Ya.

Q: Berpadanan tetapi tidak boleh dibuka?

A: Tidak boleh.

Rujuk kepada P8 (Gambar tempat kejadian – gambar 7)

Q: Pada masa kunci ini dicuba beginikah keadaan pintu?

A: Betul.

Manakala keterangan SP7 pula adalah seperti berikut di muka surat 111 AR Jld.2:

Rujuk pada P8 gambar (7)

Q: Awak ada dapat maklumat daripada tertuduh mengenai pintu pecah ini?

A: Saya dapat maklumat daripada Sjn Manivanan bahawa pintu ini pecah akibat daripada usaha suami si mati menendang pintu tersebut untuk menyelamatkan si mati.

Di ms 123–124 *AR Jld* 2:

Q: ASP Mazli semasa kita melawat tempat kejadian hari tu, kita akan melihat pintu bilik itu. Pintu bilik itu kita tengok pada bahagian depannya tidak ada kesan pecah, cuma ada di tepi pintu sahaja. Dan di belakang pintu ada macam pecah, boleh jelaskan mengapa ia boleh jadi macam tu?

A: Ini berlaku akibat daripada keadaan pintu, di dalam keadaan berkunci dan telah berlaku satu impak dari luar ke dalam pintu.

Q: Bila impak itu dari depan memang tidak ada kesan?

A: Sukar untuk membuat pengesanan.

[36] Keterangan SP7 yang turut menyokong versi responden adalah mengenai ketiadaan kesan tapak kaki si mati atas meja solek yang disyaki telah digunakan oleh si mati jika benar si mati telah menggantung diri. SP7 bersetuju kemungkinan almari solek itu tidak dipijak oleh si mati untuk menggantung diri. Sebaliknya kemungkinan kerusi kecil yang patah telah digunakan oleh si mati untuk menggantung diri. Semasa menggantung diri, ada kemungkinan si mati telah menolak atau menendang almari solek tersebut sehingga jatuh. Penjelasan oleh SP7 ini munasabah dan diterima oleh hakim bicara yang bijaksana mengenai mengapa tiada kesan tapak kaki atas almari solek sementara kerusi kecil yang patah tidak disiasat oleh SP7.

[37] Kami turut mendapati bahawa keterangan saksi SP22 adalah selari dan menyokong versi pembelaan pihak responden. Dalam soalbalas, SP22 menyatakan seperti berikut (di ms 289 *AR* Jld 3):

Q: Saya tertarik dengan laporan yang telah Encik Khairul sediakan iaitu laporan P33. Kalau lihat kepada keputusan yang Encik Khairul tunjukkan di sini, Encik Khairul mengatakan cadar A dan cadar B adalah konsisten dipotong menggunakan objek tajam seperti pisau semasa di dalam keadaan gulungan dan gumpalan?

A: Ya.

Q: Itu pendapat yang pertama dan seterusnya pendapat yang kedua, boleh digunakan untuk memotong gulungan dan gumpalan cadar di dalam keadaan tegang. Kalau Encik Khairul boleh rujuk kepada cadar P37A dan B, berdasarkan dengan apa yang Encik Khairul katakan ini, Encik Khairul setuju dengan saya, sekiranya untuk mendapat seperti yang Encik Khairul katakan, keadaan cadar ini di dalam keadaan gumpalan atau gulungan dan di dalam keadaan tegang. Bermakna, setuju dengan saya jika saya katakan, untuk mendapat seperti Encik Khairul katakan, ianya perlu di dalam seperti di dalam terikat dan tergantung barulah boleh dikatakan keadaan tegang dan gumpalan, betul?

A: Yang penting ia perlu berada di dalam keadaan gulungan dan dalam keadaan tegang.

Q: Situasi begitu boleh berlakukan?

A: Boleh.

YA: Cuba bukakan cadar dan tunjukkan kepada mahkamah bagaimana kamu katakan potongan itu konsisten

A: Dia kena di dalam gulungan. Saya tidak tahulah gulungan itu macam mana. Contohnya macam ni. Dia kena di dalam keadaan bergulung dan tegang, baru dapat dipotong dengan pisau.

[38] Berkaitan kelakuan responden yang dihujahkan oleh Puan TPR terpelajar mengenai kelewatan responden memecahkan pintu bilik, kami mendapati perkara ini boleh dijelaskan melalui keterangan responden sendiri. Responden menyatakan bahawa beliau ada mendengar seperti benda jatuh ketika hendak berbuka puasa. Beliau pergi ke bilik dan mendapati pintu telah dikunci oleh si mati dari dalam. Responden cuba memecahkan pintu bilik tersebut tetapi tidak berjaya kerana kurang bertenaga akibat berpuasa. Responden pergi berbuka puasa terlebih dahulu sebelum kembali memecahkan pintu bilik tersebut. Responden menyatakan beliau tidak menyangkakan si mati telah menggantung dirinya. Penjelasan responden adalah munasabah dan boleh diterima.

[39] Mengenai kelewatan responden membuat panggilan kecemasan ke talian 999, responden menyatakan beliau mengambil masa untuk cuba menyelamatkan si mati terlebih dahulu. Responden telah menurunkan si mati dari tergantung dikipas siling dan memberikan bantuan CPR sebelum memaklumkan kejadian itu kepada pihak berkuasa kecemasan. Kami mendapati hujahan Puan TPR bahawa kelakuan responden menunjukkan 'guilty mind' responden, tidak dapat dipersetujui dalam keadaan yang berlaku di dalam kes ini.

[40] Berkaitan isu kemurungan, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa berdasarkan keterangan rakan-rakan dan ibubapa si mati menunjukkan ciri-ciri kemurungan dipihak si mati sebelum kejadian. Amin Hayat bin Abd Rahim ('SP18'), rakan sekerja dan jiran si mati mengakui bahawa seminggu sebelum kejadian terdapat perubahan kepada si mati dan bersetuju si mati kelihatan berada dalam kemurungan (ms 223 *AR Jld* 3). Rusliza bt Md Drus ('SP19'), rakan sekerja si mati menyatakan si mati memberitahu bahawa si mati berasa sedih apabila mendapat tahu suaminya ada hubungan sulit dengan rakan sekerja (ms 228 dan 235 *AR Jld* 3) dan si mati tidak ceria seperti biasa kerana tidak sihat dan sakit kepala (ms 230 *AR* Jld 3). Rohani bt Aris ('SP20'), ibu kepada si mati menyatakan seminggu sebelum kejadian si mati balik tinggal di kampung bersama beliau untuk menenangkan fikiran (ms 247 *AR* Jld 3). Jaafar bin Bakri ('SP21'), bapa si mati menyatakan si mati berada dalam keadaan tidak ceria, tidak banyak bercakap dan dalam keadaan sugul semasa si mati balik ke kampung seminggu sebelum kejadian (ms 270 *AR* Jld 3).

[41] Seterusnya kami bersetuju dengan dapatan oleh hakim bicara yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan pertuduhan terhadap responden diluar keraguan yang munasabah dan responden dibebaskan atas manfaat keraguan yang munasabah yang wujud dalam kes pihak pendakwaan.

[42] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, kami sebulat suara mendapati tidak ada sebarang kekhilafan oleh hakim bicara yang bijaksana dalam membebaskan responden. Tiada merit dalam rayuan perayu dan tiada sebarang alasan untuk kami mencampuri dalam keputusan hakim bicara tersebut. Rayuan pendakwa raya ditolak dan keputusan hakim bicara melepas dan membebaskan responden dikekalkan.

Rayuan ditolak dan responden dilepaskan dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar